

12 SEP 2003

BAJET-KDNK/I

KDNK MALAYSIA BERKEMBANG ANTARA 5.5 DAN 6.0 PERATUS DALAM 2004

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 5.5 peratus dan 6.0 peratus dalam 2004 daripada 4.5 peratus yang diunjurkan dalam 2003, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika membentangkan Bajet 2004 di Parliamen di sini, beliau berkata, prestasi ekonomi negara dalam 2004 diunjurkan berkembang dengan kukuh dan disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang teguh serta pemulihan ekonomi luaran.

"Sejajar dengan kemajuan dan impak positif daripada Pakej Strategi Baru KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) diunjurkan untuk terus berkembang antara 5.5 peratus dan 6.0 peratus dalam 2004," katanya.

Perdana Menteri berkata sektor swasta dijangka menerajui pertumbuhan ini dengan pelaburan swasta berkembang dengan kukuh sebanyak 9.9 peratus.

"Penggunaan peribadi memberi respon positif kepada langkah rangsangan (yang diumumkan dalam Mei) dan diunjurkan berkembang pada kadar lebih tinggi 7.7 peratus," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata, sektor pengilangan akan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan dan dijangka meningkat 7.2 peratus, manakala sektor perkhidmatan sebanyak 5.5 peratus.

"Dengan penekanan dan strategi pada sektor pertanian serta harga komoditi yang tinggi, sektor itu dijangka berkembang stabil sebanyak tiga peratus," katanya.

Bajet 2004 turut mengandungi beberapa langkah untuk merencanakan keluaran pertanian seperti menubuhkan Skim Mikro Kredit Kampung dan satu peruntukan RM165 juta bagi pembinaan sebuah Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu dan sebuah Pusat Latihan Perikanan di Tanjung Manis, Sarawak.

Perdana Menteri berkata, sektor perlombongan diunjurkan berkembang sebanyak 3.5 peratus, ekoran daripada peningkatan dalam pengeluaran gas asli cecair (LNG) dan gas asli.

Dr Mahathir berkata, kerajaan kekal komited untuk mencapai bajet seimbang dalam jangka singkat dengan melaksanakan langkah penyatuan fiskal.

Kerajaan, sambil mengetatkan perbelanjaan awam akan mengawal bajet defisit yang berlaku sejak enam tahun lepas, menjangka defisit itu akan menurun kepada 3.3 peratus KDNK dalam 2004 daripada 5.4 peratus dalam 2003.

"Jika pemulihan global lebih kukuh dalam jangka dekat, objektif mencapai bajet seimbang dijangka dicapai dalam 2006," kata Dr Mahathir.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, katanya, beliau percaya matlamat bajet seimbang dicapai melalui sokongan sektor swasta.

Jika sektor swasta gagal untuk memberi respon, perbelanjaan kerajaan akan terus menunjukkan defisit, katanya.

"(Bajet 2004) ini ialah langkah yang diambil kerajaan untuk merangsang sektor swasta. Jika mereka betul-betul memberi respon, ia (bajet seimbang) boleh dicapai dalam 2005 (walaupun) matlamatnya dalam 2006," katanya. --

Dalam ucapan bajetnya, Perdana Menteri berkata, pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih tinggi akan menyumbang kepada pengukuhan akaun sektor awam yang dijangka mencatatkan lebih 0.4 peratus daripada KDNK dalam 2004 berbanding defisit 1.5 peratus yang diunjurkan bagi tahun ini.

Perbendaharaan dalam Laporan Ekonomi 2003/2004 berkata, ekonomi dunia dijangka berkembang empat peratus dalam 2004 dengan Amerika Syarikat, Masyarakat Eropah dan Jepun masing-masing mencatatkan pertumbuhan 3.6 peratus, 2.3 peratus dan satu peratus.

"Konsisten dengan pertumbuhan KDNK, pendapatan per kapita dijangka meningkat kepada RM14,954 manakala kuasa membeli pariti rakyat Malaysia akan naik hampir AS\$10,000.

"Harga dijangka kekal rendah, dengan Indeks Harga Pengguna yang diunjurkan pada 1.3 peratus," katanya.

Dr Mahathir berkata, peruntukan agensi kerajaan akan berasaskan kedudukan kewangan masing-masing untuk memastikan pembahagian berkesan dana kerajaan.

Agensi-agensi dengan rezab yang tidak komited perlu menggunakan rezab masing-masing untuk membiayai program masing-masing, katanya ketika membentangkan Bajet 2004.

Perbelanjaan kerajaan, katanya, akan fokus khususnya pada penyediaan kemudahan infrastruktur yang lebih berkesan untuk mengurangkan kos membuat perniagaan dan menyokong pertumbuhan ekonomi. -- BERNAMA

MAD SHO WNZ TJK AHM